

**PERANAN BAHASA KEDUA (BAHASA INGGERIS) DALAM PEMBELAJARAN DAN
PENGAJARAN BAHASA KETIGA (BAHASA JERMAN)**



**INSTITUT PENYELIDIKAN, PEMBANGUNAN DAN PENGKOMERSILAN
UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA
40450 SHAH ALAM, SELANGOR
MALAYSIA**

OLEH :

**MOHD SOFIAN BIN ABDUL LATIF
PROFESSOR MADYA MD NOH BIN NYATA
MOHAMMAD RADZI BIN MANAP**

FEBRUARI 2007

PENGHARGAAN

Alhamdulillah, setinggi-tingginya penghargaan dan ribuan terima kasih diucapkan kepada semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung bagi membolehkan penyelidikan ini disiapkan dengan sempurna.

Diantaranya :

Prof. Madya Wan Latifah Wan Ariffin
(*Dekan Akademi Pengajian Bahasa*)

Prof. Madya Dr. Naimah Abdullah
(*Koordinator URDC Akademi Pengajian Bahasa*)

Prof: Madya Dr. Norma h Abdullah
(*Dekan Fakulti Pendidikan*)

Pensyarah-pensyarah Akademi Pengajian Bahasa

dan

Semua pelajar-pelajar dari kampus induk UiTM dan kampus Cawangan Seksyen 17 (INTEC) yang telah memberikan kerjasama dan sokongan di dalam menjayakan penyelidikan ini. Tidak ketinggalan juga seluruh ahli keluarga kami serta rakan-rakan di Akademi Pengajian Bahasa, Shah Alam Selangor Darul Ehsan.

ISI KANDUNGAN

MUKA SURA	T T A	J U	K 1
SURAT TA	W ARA	N PENYELIDIKA	N «
SURAT PENYERAHAN LAPORAN			v
DAFTAR AHLI PENYELIDIK			v
PENGHARGAAN			i
ISI KANDUNGAN			i
DAFTAR ILLUSTRASI*			i
ABSTRAK			x

BAB 1 : PENDAHULUAN

1.0 Pendahuluan	1
1.1 Latar Belakang Kajian	1
1.1.1 Responden	1
1.2 Penyataan Masalah	3
1.3 Objektif Kajian	4
1.4 Kepentingan Projek	5
1.5 Skop Projek	5
1.6 Definisi Terma	6
1.6.1 Bahasa Ibunda (B1)	6
1.6.2 Bahasa Kedua (B2)	6
1.6.3 Bahasa Ketiga	6
1.6.4 Pengajaran dan Pembelajaran (P&P)	7
1.6.5 Pemerolehan Bahasa (<i>Language Acquisition</i>)	7
1.6.6 Pembelajaran Bahasa (<i>Language Learning</i>)	7

ABSTRAK

Seseorang pelajar sesuatu bahasa ketiga telah mempunyai pengetahuan mengenai pemerolehan dan pembelajaran sesuatu bahasa semasa pengajaran dan pembelajaran (P&P) bahasa ibunda dan bahasa kedua mereka. Pengetahuan sedia ada ini seharusnya mereka gunakan untuk memudahkan pembelajaran bahasa ketiga mereka. Kajian-kajian terkini menunjukkan bahawa dalam P&P bahasa kedua selalunya melibatkan banyak proses pembangunan kemahiran berbahasa seperti metakognitif, strategi belajar dan lain-lain. Semua kemahiran tersebut digunakan oleh pelajar untuk menguasai bahasa kedua mereka sebaik mungkin termasuklah penggunaannya dalam kehidupan seharian. Ini bermakna seseorang yang bilingual akan lebih mudah untuk mempelajari sesuatu bahasa ketiga berbanding dengan seseorang yang monolingual. Persoalannya ialah aspek P&P manakah yang dapat memudahkan pembelajaran sesuatu bahasa ketiga. Yang jelas di sini ialah tahap penguasaan bahasa kedua pelajar. Semakin tinggi tahap penguasaan bahasa kedua para pelajar semakin mudah proses pembelajaran bahasa ketiga mereka. Namun begitu aspek yang lebih penting ialah jarak linguistik atau tipologi bahasa antara bahasa-bahasa yang terlibat. Semakin dekat jarak linguistik sesuatu bahasa yang dipelajari dengan sesuatu bahasa yang sudah dikuasai maka semakin banyak kiannya membantu P&P bahasa sasaran. Keutamaan perlulah diberikan kepada aspek-aspek positif seperti persamaan perbendaharaan kata antara bahasa-bahasa yang terlibat berbanding dengan aspek-aspek negatif seperti pemindahan bahasa dan lain-lain yang boleh mengganggu proses pembelajaran bahasa ketiga. Dalam usaha memantapkan P&P bahasa ketiga tenaga pengajar seharusnya mengeksploiti pengetahuan sedia ada para pelajar seperti yang dibincangkan di atas. Di samping itu mereka juga perlu menyedari bahawa aspek-aspek tersebut berperanan dalam meningkatkan motivasi para pelajar untuk mempelajari sesuatu bahasa ketiga.

BAB 1

Pendahuluan

1.0 Pendahuluan

Kepentingan para pelajar khususnya pelajar bumiputera di Universiti Teknologi MARA (UiTM) menguasai lebih dari dua bahasa adalah satu keperluan global untuk bersaing dalam pelbagai aspek. Oleh itu mereka hendaklah mempelajari sekurang-kurangnya satu atau dua lagi bahasa asing selain dari bahasa Inggeris.

Sesiapa yang tidak boleh berkomunikasi (dalam Bahasa Inggeris) sebenarnya terceder daripada persaingan dalam menguasai maklumat dalam era pengetahuan ini... Bagi orang Melayu dan Bumiputera, sebaik-baiknya kita dapat menguasai empat bahasa: Ibunda (Bahasa Melayu), Inggeris, Arab atau Mandarin dan salah satu dari bahasa Eropah. (Abdullah Ahmad: 2003).

Menyedari hakikat ini serta mengambil kira kekangan-kekangan yang ada, penyelidik merasakan bahawa satu kajian perlu dibuat bagi merealisasikan pandangan ini. Ianya boleh dilaksanakan dengan mengeksploitasikan pengetahuan sedia ada pelajar semasa pembelajaran bahasa kedua (B2) serta menggunakan kewujudan persamaan di antara bahasa kedua (B2) dan bahasa ketiga (B3) yang dibincangkan di dalam penyelidikan ini. Dapatan kajian ini kelak diharapkan dapat dikongsi bersama oleh semua pengajar B3 yang lain khususnya di Universiti Teknologi Mara (UiTM). Di samping itu ianya juga boleh dijadikan asas untuk penyelidikan-penyelidikan seterusnya yang melibatkan pengajaran dan pembelajaran (P&P) B2 dan B3.

Antara kepentingan kajian ini adalah untuk mengenengahkan satu pendekatan pilihan yang berkesan bagi P&P B3 (bahasa Jerman). Ianya juga dapat meyakinkan pelajar bahawa mempelajari bahasa Jerman adalah mudah dengan adanya pengalaman dan pengetahuan sedia ada yang diperolehi melalui P&P bahasa asing pertama mereka (bahasa Inggeris). Di samping itu kajian ini adalah penting untuk menimbulkan kesedaran tentang wujudnya impak yang berhubungkait antara P&P B1, B2 dan B3. Oleh yang demikian penyelidik menerusi kajian ini mengenal pasti beberapa perkara sebagai objektif kajian:

- i. Menilai persamaan kata nama, kata kerja dan struktur ayat antara bahasa Jerman dan bahasa Inggeris yang boleh membantu P&P